



KESATUAN seluruh umat Islam di dunia dapat direalisasikan jika mereka benar-benar menghayati apa yang tersirat di sebalik peristiwa hijrah Rasulullah. —LAMBAK HIASAN

Umat Islam bersatu mampu menjadi kuasa besar dunia



Syiar

Oleh
**PROF. EMERITUS
DATUK ZAKARIA
STAPA**



sememangnya amat dituntut oleh ajaran Islam selama ini.

Perkara ini sesungguhnya wajar menjadi satu agenda besar ummah di peringkat antarabangsa yang mesti diusahakan sehabis kudrat.

Tinggalkan larangan Allah

Dalam konteks hijrah, perlu diberikan penekanan bahawa peristiwa hijrah fizikal Rasulullah SAW dan para sahabat yang berlaku pada tahun 622M itu adalah lebih merujuk kepada perubahan dalaman orang Islam, sebagai mana terungkap dalam sebuah hadis Rasulullah yang bermaksud:

"Dan orang yang berhijrah itu pula ialah jenis orang yang meninggalkan perbuatan yang dilarang oleh Allah."

Penjelasan Rasulullah SAW ini mempunyai makna yang amat dinamik dengan nilai kekuatan tersendiri kepada ummah.

Dalam hal itu, kehidupan seseorang yang menghindarkan diri daripada perkara dilarang oleh Allah menuju kepada apa yang disuruh, pastinya dapat menghasilkan seorang Muslim berkecuali tinggi sekali gus berubah menjadi ummah yang berakhlak mulia.

Berteru, pada sisi ini, jelas perkara yang diandarkan kepada peristiwa besar hijrah Rasulullah SAW tersebut menyediakan nilai kekuatan tersendiri kepada umat Islam pada bila-bila masa

dan di mana-mana sahaja.

Sesungguhnya, peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat dari Mekah ke Madinah adalah satu peristiwa besar kepada kelangsungan ummah, perkembangan agama dan pembentukan tamadun Islam secara keseluruhan.

Pastinya dengan memahami secara mendalam tentang kepentingan dan keseluruhan makna besar yang terkandung dalam peristiwa hijrah itu, para sahabat Nabi Muhammad SAW ketika zaman pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab mengambil keputusan menggunakan peristiwa itu sebagai tarikh bermulanya kalendar atau takwim untuk keganaan umat Islam.

Bagi memudahkan segala urusan pentadbiran negara dan ibadah umat Islam, tanpa ragu-ragu lagi para sahabat di bawah kepimpinan Saidina Umar memilih peristiwa hijrah sebagai bermulanya perkiraan kalendar bagi umat Islam.

Mereka dengan iman yang kuat memilih perkiraan takwim tersebut sekalipun mempunyai pilihan lain seperti tarikh kelahiran dan kewafatan Rasulullah SAW ataupun menggunakan sahaja kalendar Masahi sedia ada.

Apa yang amat mengagumkan adalah kebijaksanaan dan visi jelas para sahabat Rasulullah memilih peristiwa hijrah tersebut yang secara langsung mempamerkan pandangan jauh mereka berkait dengan usaha pembinaan

tamadun berkualiti yang berpanjangan.

Selain itu, ini turut membuktikan keteguhan hati dan jati diri umat Islam dengan tidak meniru kalendar atau takwim mana-mana tamadun sebelum ini.

Pandangan jauh dan kebijaksanaan para sahabat seperti ini adalah satu perkara yang perlu diberikan perhatian serius oleh seluruh umat Islam pada masa kini.

Ini bagi membolehkan umat Islam tetap berdiri teguh hidup bertunjangan identiti sendiri.

Ini boleh menjadi tali pengikat yang kukuh kepada kesatuan dan kekuatan umat sampai bila-bila.

Sesungguhnya peristiwa hijrah sememangnya satu unsur yang dinamik serta mampu mempengaruhi umat Islam untuk menjadi umat yang kuat.

Hal itu boleh menjadi kenyataan asalkan mereka bersedia untuk mengambil iktibar dan inspirasi daripada peristiwa penting itu.

Ini secara langsung dapat melahirkan umat yang bersatu padu dan kuat, selain menjadi satu kuasa besar dunia baharu yang boleh merubah sepenuhnya hala tuju perjalanan harian dunia demi kesejahteraan bersama.

PROF. EMERITUS DATUK ZAKARIA STAPA ialah bekas pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang berkepakaran dalam ilmu tasawuf, akidah dan pemikiran Islam.